

08 MAY 2002

Wakaf-Ketetapan

MENTERI ISLAM TETAPKAN MALAYSIA JADI CONTOH TANGANI PELAMPAU

KUALA LUMPUR, 8 Mei (Bernama) -- Persidangan Ketujuh Menteri-menteri Wakaf dan Hal Ehwal Islam yang berakhir hari ini membuat ketetapan supaya semua kementerian wakaf di negara-negara Islam dan pihak terlibat dengan dakwah mencontohi Malaysia dalam menangani isu pelampau.

Persidangan itu memuji Malaysia yang mengamalkan dasar yang menyeluruh dalam menghadapi isu itu dan cara negara ini menangani masalah berkenaan melalui penghayatan ajaran Islam dalam semua aspek kehidupan dan pendidikan.

Ketetapan 12 perkara itu dibaca oleh Menteri di Jabatan Perdana Menteri Datuk Abdul Hamid Zainal Abidin selaku pengerusi persidangan ketujuh itu yang berlangsung selama tiga hari sejak Isnin.

Persidangan itu juga membuat ketetapan untuk mengiktiraf ucapnama Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad sebagai dokumen rasmi persidangan.

Dalam ucaptamanya yang disampaikan semalam, Dr Mahathir meminta umat Islam tidak menyalahkan orang lain dan Islam sendiri di atas kemunduran dan masalah yang mereka hadapi sekarang.

Beliau turut meminta umat Islam supaya memperkukuhkan kedudukan ekonomi yang menurutnya amat penting bagi membangunkan syiar agama dan ummah.

Antara lain, persidangan itu juga bersetuju dengan rancangan untuk memperkenalkan Islam melalui pelbagai bahasa selain menyebarkan syiar agama melalui laman web.

Para perwakilan turut bersetuju dengan rancangan menyediakan pendakwah dan penubuhan Yayasan Warisan Islam Antarabangsa serta menerima kertas kerja mengenai kaedah dan prosedur penterjemahan pengertian Al-Quran.

Persidangan itu turut merakamkan penghargaan kepada Bank Pembangunan Islam (IDB) yang berpusat di Jeddah di atas usahanya melaksanakan rancangan menubuhkan pemuliharaan dan pelaburan harta wakaf.

Selain itu, persidangan itu turut memperakui sokongan Majlis Eksekutif Menteri-menteri Wakaf dan Hal Ehwal Islam terhadap cadangan penubuhan yayasan zakat dan takaful di setiap negara Islam yang tidak mempunyai institusi seumpama itu.

Mereka juga menetapkan supaya pengurusan zakat dikawal oleh kementerian wakaf dan hal ehwal Islam atau seumpamanya di negara-negara Islam dan bagi negara bukan Islam, tanggungjawab itu terletak di bawah bidang kuasa mana-mana pihak yang mewakili umat Islam.

-- BERNAMA

MAM RZS MFJ NAK